

<p>Apabila syarat dan jaza' sama pada lafaznya, maka ia menunjukkan kehebatan atau kedahsyatannya.</p>	<p>إِذَا تَحْدَدَ الشُّرُطُ، وَالْجَزَاءُ لَفْظًا ذَلِكَ عَلَى الْفُخَامَةِ</p>	<p>قاعدة 3</p>
<p>Syarat dan jaza' yang tersebut di dalam qaedah ini tidaklah dipakai dengan erti biasa, malah ia bererti suatu perkataan yang disusuli oleh perkataan yang sama dengannya, di mana perkataan terkemudian kelihatan sebagai jawab bagi perkataan pertama.</p> <p>Antara contoh yang dapat diberikan untuk qaedah ini ialah:</p> <p>(1)</p> <p style="text-align: center;">الْحَقَّةُ ① مَا أَلْحَقَهُ ② وَمَا أَذْرَنَكَ مَا أَلْحَقَهُ ③</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Saat yang tetap berlaku (hari kiamat) itu; 2. Apakah dia sifat dan keadaan saat yang tetap berlaku itu? 3. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui tentang sifat dan keadaan saat yang tetap berlaku itu? (al-Haaqqah:1-3). <p>(2)</p>		

فَأَصْحَبُ الْمَيْمَنَةَ مَا أَصْحَبُ الْمَيْمَنَةِ ⑤ وَأَصْحَبُ الْمَشْئَمَةَ مَا أَصْحَبُ الْمَشْئَمَةِ ⑥

8. Iaitu golongan kanan. Alangkah mulia dan bahagianya golongan kanan itu
9. Dan golongan kiri. Alangkah seksa dan sengsaranya golongan kiri itu. (al-Waqi`ah:8-9).

(3)

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ⑦ وَمَا أَدْرَنَاكَ مَا لَيْلَةَ الْقَدْرِ ⑧ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ⑨

1. Sesungguhnya Kami telah menurunkannya (Al Quran) pada malam kemuliaan
2. Dan tahukah kamu apakah malam kemuliaan itu?
3. Malam kemuliaan itu lebih baik dari seribu bulan. (al-Qadr:1-3).